TEMA 6	MS 119	UNIT 17	MUDAHNYA MENYIRAM
TATABAHASA : AYAT TANYA			
NAMA: _____ KELAS: _____			

AKTIVITI	Senaraikan lima ayat tanya yang terdapat dalam petikan dialog dibawah.

Mudahnya Menyiram

Alif, kawan Zara, berbual-bual dengan ayahnya yang sedang memasang alat pemasa siraman.

Alif : Ayah sedang buat apa?

Ayah : Ayah sedang memasang alat pemasa siraman.

Alif : Di manakah ayah hendak memasang alat ini?

Ayah : Ayah hendak memasang alat pemasa siraman ini di sebelah paip air penjuru sana.

Alif : Mengapakah ayah memasang alat ini?

Ayah : Ayah memasang alat ini untuk memudahkan kerja siraman tanaman kita.

Alif : Bagaimanakah alat ini berfungsi, ayah?

Ayah : Alat ini berfungsi secara automatik.

Alif : Wah, bagusnya alat ini! Ayah, alat ini berfungsi dengan cara menyemburkan air mengikut masa?

Ayah : Ya, alat ini berfungsi dengan cara menyemburkan air mengikut masa yang telah kita tetapkan.

LIVEWORKSHEETS

Alif : Berapa lamakah tempoh siramannya, ayah?

Ayah : Tempoh siramannya ayah tetapkan selama dua minit sahaja.

Alif : Alat ini akan menyiram tanaman lima kalikah sehari?

Ayah : Tidak, alat ini akan menyiram tanaman sebanyak dua kali sahaja dalam sehari.

Alif : Alat ini akan mula menyiram tanaman pada pukul 8.00 pagi dan 7.00 malam?

Ayah : Ya, alat siraman ini akan mula menyiram tanaman kita pada pukul 8:00 pagi dan 7:00 malam.

Alif : Terima kasih, ayah kerana memberikan penerangan.

Ayah : Sama-sama.

Ayat tanya :

1. _____.

2. _____.

3. _____.

4. _____.

5. _____.

LIVEWORKSHEETS